

Pandangan Islam mengenai amalan berhutang

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan. Fenomena yang menimbulkan kerisauan dalam masyarakat hari ini ialah wujudnya sikap segelintir anggota masyarakat yang membenarkan tabiat berhutang menguasai kehidupan mereka sehingga membawa kemudaratuan bukan sahaja kepada diri sendiri malah ahli keluarga. Lebih-lebih lagi dalam dunia hari ini di mana pelbagai pihak misalnya bank, koperasi juga khidmat pinjaman menerusi saluran yang tidak diiktiraf oleh undang-undang seperti syarikat pemberi pinjaman wang tidak berlesen atau ah long begitu mudah menyediakan pinjaman kepada orang ramai melalui skim pinjaman peribadi, kad kredit dan sebagainya.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW ketika didatangi oleh seseorang untuk menyembahyangkan jenazah, lalu Baginda bertanya: "Adakah dia meninggalkan hutang yang telah disempurnakan atau tidak. Sekiranya diberitahu si mati telah menyempurnakan hutangnya maka Baginda akan bersembahyang ke atas jenazah tersebut. Sekiranya tidak disempurnakan, Baginda bersabda: "Sembahyanglah kamu ke atas sahabatmu ini. Selepas berlakunya peristiwa pembukaan Kota Mekah, Baginda Rasulullah SAW telah bersabda: "Akulah yang sepautnya lebih dipertanggungjawabkan ke atas orang-orang mu'mth daripada diri mereka sendiri, maka sesiapa yang meninggal dunia dan dia berhutang, maka aku akan menjelaskan hutang tersebut dan sesiapa yang meninggalkan harta maka harta tersebut adalah untuk warisnya." Rasullullah SAW

Larangan riba

"Orang-orang yang m tidak dapat berdiri bet orang yang dirasuk sy kerana sentuhan (sy) disebabkan mereka m guhnya bermula itu s Padahal Allah telah m (berniaga) dan meng yang telah sampai ke dari Tuhanneya lalu i maka apa yang telah pengharaman itu) ada perkaryanya terserahla yang mengulangi lagi maka itulah ahli nerak

By **AMMAR027**

cheatography.com/ammar027/

Published 27th June, 2020.

Last updated 27th June, 2020.

Page 1 of 100.

Sponsored by **Crossw**

Learn to solve cryptic c

<http://crosswordcheats>

Larangan riba (cont)	Rukun al-Qard	Rukun al-Qard (cont)
Allah SWT juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba sebaliknya mereka diseru agar bertaqwa kepada Allah SWT kerana dengan itu mereka akan terdiri daripada orang-orang yang berjaya. 8	<p>1. Pembiutang (orang yang memberikan pinjaman) (a) Seorang ahli tabarru'2° yang boleh menguruskan harta, berurus niaga (ahliyyah al-mu'amalah) dan memiliki harta tersebut. 21Bukan seorang yang gila atau kanakkanak atau mahjur 'alaiah iaitu orang yang disekek dari pada menguruskan harta disebabkan safih (bodoh dalam hal ehwal pengurusan harta). (b) Tiada unsur paksaan (redha)</p> <p>3. Barang yang dipinjam (a) Fuqaha' berselisih pendapat tentang barang-barang yang sah diberi pinjam atau hutang. Fuqaha' mazhab Hanafi mengatakan sah berhutang barang-barang mithliy (yang mempunyai unit yang serupa di pasar) iaitu yang boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan mempunyai saiz yang hampir serupa seperti wang, telur, buah kelapa dan sebagainya. (b) Manakala fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali mengatakan harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas, perak dan makanan termasuk barang-barang qimiy seperti batu permata. Walaubagaimanapun, pandangan yang asah/ rajih mengatakan barang-barang yang jarang atau sukar atau tidak boleh dipulangkan seperti batu permata adalah tidak sah dijadikan hutang.23</p>	<p>2. Penghutang/peminjam (a seorang yang mahjur 'alaiah safih, orang gila atau kanak-kanak dan anak yatim, mereka harus meminiskiranya mempunyai wali yang boleh menguruskannya. Imam Subki berpendapat bahawa hanya boleh meminjam sekiranya terdapat darah dan jika sekiranya, maka pinjaman itu terpaksa. (b) Tiada unsur paksaan (redha)</p> <p>(c) Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.22</p>



By **AMMAR027**
cheatography.com/ammar027/

Published 27th June, 2020.
Last updated 27th June, 2020.
Page 2 of 100.

Sponsored by **CrosswordCheats**
Learn to solve cryptic crossword puzzles
<http://crosswordcheats.com>

Gejala ceti haram

Sabtu hari kita dikejutkan dengan pelbagai insiden yang dikaitkan dengan gejala ceti haram atau ah long yang semakin berleluasa sehingga menimbulkan kegelisahan dalam masyarakat. Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, sehingga November 2008, sebanyak 249 kes di bawah seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) telah dilaporkan dan dibuka kertas siasatan di seluruh Malaysia. Peruntukan undang-undang di atas secara spesifik menyentuh tentang aktiviti menjalankan perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah atau lesen tamat tempoh atau lesen digantung. Jumlah kes yang direkodkan didapati telah meningkat berbanding tahun 2006 dan 2007 iaitu masing-masing mencatat sebanyak 61 dan 161 kes. Sementara itu, jumlah aduan kes ah long yang diterima oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sehingga pertengahan Disember 2008 adalah sebanyak 160 kes. Kebanyakan pengadu yang datang ke PPIM bertujuan mendapatkan khidmat nasihat setelah menerima ancaman daripada ah long kerana tidak dapat menjelaskan hutang. Dalam kebanyakan kes, laporan dibuat kepada pihak polis apabila peminjam menerima ancaman dan ugutan daripada ah long setelah peminjam didakwa gagal menyelisaikan hutang tertunggak. Meskipun, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar tidak melanggar perkhidmatan pinjaman wang secara haram, namun ramai yang masih tidak serik mahupun mengambil pengajaran memandangkan urusan mendapatkan wang daripada ah long adalah begitu mudah. Kegiatan ceti haram atau ah long secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak telus terutama sekali dalam aspek struktur pinjaman dan pembayaran balik. Aktiviti ah long atau ceti haram juga sering dikaitkan dengan keganasan serta melakukan kekerasan seperti ugutan, tindakan mencederakan peminjam, pembunuhan dan sebagainya. Malah, para peminjam yang berdepan dengan ugutan dan gangguan daripada ah long turut menghadapi tekanan jiwa dan perasaan sehingga ada yang sanggup membunuh diri termasuk ahli-ahli keluarga kerana bimbang diganggu atau disakiti oleh ah long. Kita juga mendengar berita-berita di media massa berlakunya keruntuhan rumah tangga dan perpecahan dalam keluarga akibat keterlibatan peminjam dengan ah long disebabkan tidak berfikir panjang tentang musibah yang bakal dihadapi. Bagi memerangi kegiatan ceti haram, kerajaan mengambil tindakan berterusan untuk mengawal dan memantaunya menerusi usahasama dengan pelbagai agensi seperti pihak berkuasa tempatan, Polis DiRaja Malaysia dan NGO. Antara langkah yang diambil ialah melalui tindakan memberhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen, kempen kesedaran, khidmat nasihat dan usaha besar-besaran menurunkan iklan ah long di kawasan-kawasan perumahan.

Konsep Pinjaman dalam Islam

Dari kaca mata perundangan Islam, pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu al-'ariyah dan al-qard. Al-'ariyah merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma. Hak pemilikan ke atas barang tersebut masih kekal pada pemberi pinjaman dan peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaian adalah berpunca daripada peminjam sendiri.4Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut. Pinjaman secara 'ariyah hanya melibatkan barang atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku. Sekiranya barang tersebut merupakan barang yang mudah musnah atau susut nilai seperti sabun, maka akad pinjaman tersebut tidak sah. 5 Manakala al-qard ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukat dan timbangan. Kadangkala orang Arab menyebutnya sebagai salaf hutang iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemutang tanpa syarat keuntungan.6 Kesan daripada transaksi ini ialah wujudnya hutang atau keberhutangan daripada satu pihak iaitu penghutang kepada satu pihak yang lain iaitu pemberi hutang (pemutang). Peminjam (penghutang) hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal. Misalnya, A memberi pinjaman RM1,000 kepada B. Selepas tempoh tertentu B dikehendaki memulangkan kembali nilai wang yang sama iaitu RM1,000 dan bukan memulangkan wang kertas yang asal.

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan	Prinsip-prinsip umum ketika berhutang
<p>1. Membantu golongan yang memerlukan. 2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat. 3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam. 4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara. 5. Menyediakan ruang, peluang dan kemudahan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menceburkan diri dalam sektor perniagaan dengan menggunakan kapakaran dan kemahiran yang ada di samping membantu menjana peluang pekerjaan kepada orang lain. 6. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat. 7. Sebagai salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam mengenai kesyumannan dan keindahan Islam dengan memberikan bantuan pinjaman kewangan secara qard hasan. 8. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.</p>	<p>i) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen dan obligasi masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut dan merekodkan pembayaran yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya penipuan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282:</p> <p>ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang meskipun telah dipersetujui atau disyaratkan di awal kontrak. Sebarang faedah atau lebihan dalam bentuk wang, barang, manfaat dan sebagainya adalah riba dan hukumnya adalah haram. Isu yang sering dibahaskan oleh ulama' ialah mengenai kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman qard hasan. Sebarang kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas orang yang berhutang hendaklah berdasarkan kepada kos sebenar pengurusan dan perkhidmatan yang disediakan dan tidak boleh dikaitkan dengan jumlah pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam AAOIFI Shariah Standards.27 Manakala Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islamiy kali ketiga telah menetapkan bahawa kos perkhidmatan boleh dikenakan dengan syarat kos tersebut merupakan kos sebenar dan cara kiraan hendaklah dibuat secara tepat dan sebaiknya. Turut dinyatakan bahawa kos pengurusan 183 KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM sesebuah institusi seperti gaji pekerja, dan sewaan bangunan tidak boleh dimasukkan dalam kos sebenar. Memandangkan prinsip utama yang mendasari kontrak qard hasan ialah ta'awun atau semangat tolong menolong, maka sewajarnya tiada sebarang caj perkhidmatan dikenakan kepada pihak yang meminjam bagi meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini.</p> <p>iii) Kepentingan menyelamatkan semua hutang yang wajar turut disyaratkan dalam tempoh perwarisan sebagaimana iaitu sebelum sesuatu harta pusaka dibahagikan secara faraid, segala hutang piutang simati hendaklah dibereskan terlebih dahulu. Sabda Baginda SAW: "Orang yang melengahkan penjelasan hutang sedang berkemampuan berbuat demikian adalah seorang yang zalim".</p> <p>iv) Hutan yang dipulihkan individu tertentu dalam tempoh sebagaimana imana yang dijanjikan Rasulullah SAW mengingatkan bahawa faraid, segala hutang engahka mati mengalihkan suatu kezaliman terlebih dahulu. Sabda Baginda SAW: "Orang yang melengahkan penjelasan hutang sedang berkemampuan berbuat demikian adalah seorang yang zalim".</p>



Definisi al-Qard

Al-qard dari segi bahasa bermaksud al-qat'u (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang ber hutang dinamakan qard kerana pemutang memotong (mengambil) sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang. Dari segi istilah, al-qard merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.⁷ Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai riba atau lebihan yang tidak mempunyai ganti yang dikenakan oleh pemberi pinjaman sementara menunggu bayaran balik. Orang yang ber hutang mempunyai tanggungjawab untuk memulangkan barang yang sama atau serupa dengan apa yang dipinjam tanpa apa-apa tambahan terhadap harta yang dipinjam itu. Kebiasaan barang yang menjadi objek bagi akad qard ialah wang atau lain-lain medium pertukaran yang diterima oleh orang ramai. Al-Qard dikategorikan sebagai akad tabarru' iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan. Ini kerana faedah atau manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperolehi oleh satu pihak sahaja iaitu penghutang.

Fatwa pengharaman riba

Al-Mu'tamar Al Islamiy 1.i Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah kali kedua, pada bulan Mei tahun 1965 di Kaherah telah membuat keputusan bahawa faedah yang dikenakan dalam semua bentuk pinjaman (hutang) adalah riba. Manakala Majma' al-Fiqh al-Islamiy dalam persidangannya kali kedua di Jeddah pada 22-28 Disember 1985 telah mengeluarkan fatwa bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas hutang disebabkan peminjam lewat menjelaskan hutang atau faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman, keduaduanya adalah riba yang diharamkan oleh hukum syara'. Sementara itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32, pada 10-11 Jun 1993 telah membuat keputusan bahawa "Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal."



By **AMMAR027**
cheatography.com/ammar027/

Published 27th June, 2020.
Last updated 27th June, 2020.
Page 5 of 100.

Sponsored by **Crosswordcheats**
Learn to solve cryptic crossword puzzles
<http://crosswordcheats.com>

Bantuan kepada asnaf al-gharimin

Dalam meredah gelombang kehidupan, terdapat dari kalangan masyarakat umum yang terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asasi misi nasi demi menyara anak-anak dan keluarga, berhutang untuk membeli barang-barang keperluan selepas ditimpa musibah seperti kebakaran, bagi inya. Pada ketika inilah, pemerintah khususnya kerajaan negeri melalui institusi zakat memainkan peranan yang besar dalam meringankan beban yang dibelenggu hutang atau asnaf al-gharimin. Fungsi institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ek golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Wilayah Bahagian Baitulmal setiap tahun telah mengkhususkan sejumlah peruntukan bagi membebaskan asnaf al-gharimin daripada belenggu hutang. Pada RM1.4 juta daripada keseluruhan peruntukan agihan zakat iaitu RM145 juta 184 KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM telah disumbangkan oleh gharimin. Manakala sehingga pertengahan Disember 2008, data tidak rasmi daripada Baitulmal merekodkan bahawa kira-kira RM1.3 juta telah diajukan sekitar Wilayah Persekutuan dalam kategori al-gharimin. Antara kriteria yang diberikan perhatian dalam proses agihan ialah golongan ini terpaksa keseimbangan memenuhi keperluan asas kehidupan misalnya membeli makanan, bagi tujuan perubatan, pembelian barang-barang asasi selepas ditimpa musibah sebagaimana (perlu disertakan resit). Walau bagaimanapun, tidak termasuk dalam kategori di atas ialah orang yang berhutang dengan pihak institusi koperasi memandangkan golongan ini dianggap berkemampuan untuk membuat bayaran balik pinjaman setelah dinilai oleh pihak bank dan koperasi. Ditanggung biasanya adalah disebabkan oleh sikap individu itu sendiri yang gagal mendisiplinkan diri untuk melunaskan pembayaran atau berbelanja melebihi kemampuan pendapatan. Bantuan juga tidak disalurkan kepada mereka yang berhutang dengan ceti haram dibimbangi akan menyuburkan lagi aktiviti pemberian hutang secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada aktiviti ekonomi yang menguntungkan pihak-pihak tertentu yang mana sumbangan modal dari dijana oleh kegiatan ah long.



By **AMMAR027**
cheatography.com/ammar027/

Published 27th June, 2020.
Last updated 27th June, 2020.
Page 6 of 100.

Sponsored by **CrosswordCheats**
Learn to solve cryptic crossword puzzles
<http://crosswordcheats.com>